

Papan Tanda Arah

Apakah isu-isu yang timbul berkaitan papan tanda?

a. Rekabentuk papan tanda yang tidak lagi relevan.



b. Tiada keseragaman piawai papan tanda antara agensi.



c. Tiada kesinambungan papan tanda di jalan yang dimiliki oleh agensi yang berlainan.

d. Tiada komunikasi antara agensi bagi tujuan penyelarasan.

Apakah garis panduan yang perlu dirujuk berkaitan sistem baru papan tanda ini?

Berdasarkan Surat Arahan KPKR Bil. 16/2012, semua projek papan tanda jalan yang dikendalikan oleh JKR adalah dikehendaki menggunakan Arahan Teknik (Jalan) 2E/87 (Pindaan 2011) – Guide Signs Design and Application untuk memastikan penyeragaman sistem papan tanda di jalan-jalan JKR.

Arahan Teknik ini wajar digunapakai oleh semua agensi bagi tujuan penyeragaman.



Apakah perbezaan di antara papan tanda baru dan papan tanda lama?

Papan tanda baru ini menekankan penggunaan nombor laluan, nama laluan, nombor exit, nama simpang, sistem peta, saiz nombor laluan yang lebih besar, jenis sheeting High Intensity Prismatic (HIP) dan Wide Angle Prismatic (WAP), saiz tulisan mengikut had laju dan sebagainya.

a. Papan Tanda Destinasi



Rekabentuk lama.



Rekabentuk baru.

b. Papan Tanda Arah



Rekabentuk lama.



Rekabentuk baru.

c. Papan Tanda Jarak



Rekabentuk lama.



Rekabentuk baru.



Apakah nombor dan nama laluan yang boleh digunakan pada papan tanda?

Nombor dan nama laluan yang boleh digunakan adalah mengikut pada nombor dan nama laluan yang telah diwartakan. Tidak boleh diletakkan sebarang nama lain.

Bagaimanakah untuk menentukan saiz tulisan pada papan tanda?

Saiz tulisan pada papan tanda adalah berdasarkan pada had laju seperti berikut:

Speed Limit (km/h)	Single Carriageway Letter Height, H (mm)	Multiple Carriageway/ Gantry Letter Height, H (mm)
Speed limit > 90 km/h	400	400
80 km/h < speed limit < 90 km/h	250	300
60 km/h < speed limit < 80 km/h	200	250
Speed limit < 60 km/h	150	200

Apakah sheeting yang digunakan?

Sheeting yang digunakan untuk papan tanda adalah High Intensity Prismatic (HIP) (biru bagi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri, hijau bagi lebuh raya di bawah seliaan Lembaga Lebuh raya Malaysia) manakala untuk nombor laluan, Wide Angle Prismatic (WAP), fluorescent yellow digunakan.

Apakah jenis tiang yang digunakan?

Tiang yang digunakan adalah jenis Hot Dip Galvanised Mild Steel dan tidak perlu dicat belang hitam putih.

Bagaimanakah susunan nama destinasi pada papan tanda?

Nama destinasi yang hampir diletakkan di bahagian atas dan diikuti dengan nama destinasi yang lebih jauh.

Berapakah bilangan destinasi yang boleh diletakkan pada satu papan tanda?

Nama destinasi pada satu papan tanda adalah tidak lebih dari lima (5) nama destinasi, dan tidak lebih dari tiga (3) nama destinasi bagi satu arah. Ini adalah kerana kajian mendapati seseorang yang normal hanya mampu membaca lima (5) nama destinasi sahaja ketika sedang memandu dengan kelajuan biasa sambil mengekalkan fokus pemanduan.





7 JALAN KANGAR – PADANG BESAR		
7	Kangar	20 km
79	Chuping	30 km
79	Changlun	50 km
7	Alor Setar	110 km

Maksimum lima (5) nama destinasi pada papan tanda dengan susunan destinasi yang paling hampir diletakkan di bahagian atas dan diikuti dengan destinasi yang lebih jauh.

Bagaimanakah cara untuk menentukan nombor laluan pada papan tanda?

Nombor laluan adalah merujuk pada nombor laluan terakhir yang perlu dilalui untuk sampai ke destinasi yang dipaparkan pada papan tanda.

EXIT 43 PEKAN MELINTANG 4 Gerik 206 Batu Melintang Kg. Lawar 500 m	EXIT 43 PEKAN MELINTANG ↑ 4 Gerik 206 Batu Melintang Kg. Lawar →	4 JALAN GERIK - JELI 4 Gerik 11 km 1 Ipoh 166 km
--	---	---

Bagaimanakah cara untuk menentukan nama persimpangan di papan tanda destinasi dan arah?

Nama persimpangan adalah merujuk pada sejarah persimpangan tersebut yang telah digunakan oleh penduduk setempat kawasan itu. Sekiranya tiada sejarah, nama persimpangan boleh ditentukan sendiri oleh Jurutera Daerah.

EXIT 43 PEKAN MELINTANG 4 Gerik → 206 Batu Melintang Kg. Lawar 500 m	EXIT 43 PEKAN MELINTANG ↑ 4 Gerik 206 Batu Melintang Kg. Lawar →
--	---

Apakah yang dimaksudkan dengan nombor laluan dan nama laluan pada bahagian atas papan tanda jarak (latarbelakang warna putih)?

Nombor laluan dan nama laluan tersebut adalah merujuk pada nombor dan nama laluan yang sedang dilalui.



Bagaimanakah cara untuk menentukan nombor exit?

Turutan nombor exit ditentukan dari barat ke timur dan dari selatan ke utara, bermula dari seksyen 0 sesuatu laluan. Oleh itu, turutan menaik nombor exit adalah mengikut turutan menaik nombor seksyen sesuatu laluan.

Di manakah sistem nombor exit ini boleh digunakan?

Nombor exit hanya boleh digunakan pada Jalan Utama Persekutuan sahaja dan persimpangan yang membawa pada jenis-jenis laluan berikut:

- Lebuhraya Ekspres (Expressway).
- Lebuhraya (Highway).
- Jalan Persekutuan Utama (Major Federal Road).
- Jalan Negeri Utama (Major State Road).
- Jalan Protokol (Protocol Road).
- Jalan Utama Majlis Daerah (Major Local Council Road) (≥ 2 lanes per direction).

Bagaimanakah nama exit ditentukan?

Nama exit adalah nama bagi persimpangan tersebut. Nama persimpangan diperolehi dari nama sejarah persimpangan tersebut ataupun nama yang ditentukan sendiri oleh Jurutera Daerah.



Bolehkah nama syarikat swasta dimasukkan dalam papan tanda?

Tidak boleh kerana nama syarikat swasta tiada di dalam Arahan Teknik (Jalan) 2E/87 (Pindaan 2011) – Guide Signs Design and Application. Papan nama syarikat swasta adalah dianggap sebagai paparan iklan, dan permohonan pemasangan paparan iklan boleh dibuat melalui Bahagian Pembangunan dan Penswastaan, Kementerian Kerja Raya.

Bagaimanakah cara memasang papan tanda di persimpangan?

Satu set lengkap papan tanda di sebuah persimpangan adalah seperti berikut:

